

## **Adakah Komoditi Eksport Utama Malaysia Menjana Pertumbuhan Ekonomi?**

*Prof Emeritus Dr Zakariah Abdul Rashid  
Pengarah Eksekutif, MIER*

Sebagai sebuah negara perdagangan yang kecil seperti Malaysia, prestasi eksport dan pertumbuhan ekonomi adalah berkait rapat. Pertumbuhan janaan eksport sering dibandingkan dengan pertumbuhan janaan domestik. Janaan yang mana satu sebenarnya memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi? Sesungguhnya, ia tergantung di atas saiz relatif masing-masing dalam jumlah permintaan berkesan. Malaysia dilihat bersungguh-sungguh memperluaskan dan mempelbagaikan komoditi dan pasaran eksport untuk memantapkan prestasi eksport.

Prestasi eksport sesebuah negara, terutama negara kecil, bergantung kepada prestasi eksport global, agihan pasaran dan komposisi komoditi eksport selain dari tahap persaingannya. Bagi Malaysia, ianya banyak bergantung kepada prestasi eksport global manakala faktor-faktor lain yang disebutkan di atas agak kurang penting.

Pengelompokan semula agihan pasaran eksport juga penting dalam menentukan prestasi eksport walaupun ianya bukan merupakan yang terpenting. Pemerhatian dari data perdagangan menunjukkan bahawa Malaysia mengeksport peratusan yang lebih besar ke kelompok negara-negara RCEP (*Regional Comprehensive Economic Partnership*) berbanding ke negara-negara TPP (*Trans-Pacific Partnership*). Ini bermakna, perjanjian perkongsian ekonomi dalam bentuk kawasan perdagangan bebas (FTA) multilateral (seperti TPP dan RCEP) atau FTA bilateral boleh mengubah agihan pasaran eksport. Tetapi penting juga difahami bahawa akses pasaran bukanlah segala-galanya dalam menentukan pertumbuhan ekonomi.

Akses pasaran hanyalah lapisan pertama dalam menentukan prestasi ekonomi hasil dari eksport. Lapisan kedua dan yang menjadi penentu muktamad ialah kemampuan eksport itu sendiri untuk menjana pertumbuhan. Ini tidak bermaksud bahawa

perjanjian-perjanjian FTA mega seperti TPP dan RCEP itu tidak penting. Ianya penting bukan sahaja dari menyediakan akses pasaran, tetapi juga sebagai satu perkongsian ekonomi wilayah yang padat dengan pakej langkah-langkah pembaharuan.

Terdapat satu lagi konsep yang lebih penting sering diabaikan, yakni 'pengganda pertumbuhan' yang dijana oleh eksport. Konsep ini mampu melihat kemampuan eksport untuk menjana pertumbuhan. Dalam hal ini kita secara khusus merujuk kepada perbandingan pengganda pertumbuhan yang boleh dijana oleh eksport dan oleh permintaan domestik.

Pengganda pertumbuhan ialah pertumbuhan ekonomi yang terkesan oleh satu unit permintaan akhir, yang merangkumi permintaan eksport dan permintaan domestik. Maka saiz relatif pekali pengganda bukan sahaja menentukan sama ada ia mempunyai pengaruh dalam penjanaan pertumbuhan tetapi juga bergantung kepada struktur pengeluaran ekonomi berkenaan. Antara lain ianya bergantung kepada pengaruh langsung dan tak langsung sistem pengeluaran, yang merangkumi rantai-belakang sesuatu industri, tahap penggunaan input perantaraan yang meliputi sumber domestik dan sumber import, dan tahap penggunaan input prima yang merangkumi modal dan gabungan buruh mahir dan tidak mahir. Ringkasnya, saiz pengganda ditentukan oleh struktur ekonomi.

Malaysia mengeksport pelbagai komoditi. Oleh kerana setiap komoditi yang dieksport mempunyai pengganda nilai-tambah yang berbeza, pemusatan komoditi eksport akan akhirnya menentukan pertumbuhan. Tambahan lagi, eksport sesuatu komoditi mungkin menuju ke pasaran eksport yang berbeza. Perkongsian pasaran eksport Malaysia memperlihatkan satu corak tertentu yang jelas tertumpu kepada sesuatu negara (Singapura, China, Amerika Syarikat – AS dan Jepun). Corak ini nampaknya tidak banyak berubah sepanjang dekad yang lalu. Perkongsian dalam jumlah eksport ke kelompok negara-negara TPP (42%) kelihatan lebih rendah berbanding dengan yang ke RCEP (63%) sedangkan pemusatan komoditi ke kelompok negara-negara TPP kelihatan lebih tinggi berbanding yang ke RCEP.

Pada keseluruhannya, eksport Malaysia ke negara-negara Hong Kong (HK), New Zealand (NZ), Jepun, AS, Jerman, Mexico, dan Australia kelihatan lebih tertumpu kepada beberapa jenis komoditi, manakala eksport ke Kemboja dan Vietnam lebih pelbagai. Negara-negara yang selebihnya boleh dikatakan menduduki tahap tumpuan yang sederhana.

Malaysia mengeksport pelbagai jenis komoditi dengan pemusatan komposisi komoditi secara umumnya agak sederhana. Pengganda nilai-tambah komoditi-komoditi yang dieksport mempunyai saiz yang berbeza. Barangan elektrik dan elektronik (E&E) merupakan komoditi eksport utama Malaysia. Pengganda bagi barangan E&E adalah paling rendah sedang bagi minyak dan gas (O&G) pula paling tinggi. Pengganda bagi minyak sawit menduduki tempat yang agak tinggi. Pada umumnya, pengganda nilai-tambah bagi komoditi yang berasaskan sumber lebih tinggi berbanding dengan yang tidak berasaskan sumber. Negara-negara pengimport utama komoditi E&E Malaysia adalah China, Singapura, AS dan HK; sementara bagi O&G adalah Jepun, Singapura, Australia dan Korea; dan bagi minyak sawit pula ialah China, AS dan Belanda.

Justeru, kedua-dua pemusatan komoditi dan pemusatan pasaran bagi eksport negara akan sedikit sebanyak mempengaruhi pertumbuhan. Misalnya, Malaysia mengeksport jumlah yang paling besar dalam E&E sedang komoditi ini menjana gandaan pertumbuhan ekonomi yang paling rendah. Hal yang berlawanan dari segi penggandaan pertumbuhan kelihatan di dalam eksport O&G. Pasaran eksport yang lebih tertumpu kepada O&G tentu sekali akan menjana gandaan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Kalaulah kita mempunyai maklumat yang baik tentang gandaan nilai-tambah setiap sektor, kita akan mengetahui penggandaan pertumbuhan ekonomi yang berbeza bagi setiap unit eksport yang dituju ke pasaran TPP dan RCEP. Begitu juga untuk maklumat yang lebih terperinci, penggandaan sedemikian dapat diketahui jika eksport dituju kepada, misalnya, AS yang mewakili negara utama TPP dan China yang mewakili negara utama RCEP.

Dalam konteks perbincangan ini, apa yang penting diperhatikan ialah dua persoalan: (1) adakah negara tersebut negara pengekspor utama Malaysia? Kalau “ya” maka ia akan menjadi perhatian utama kita. Dan kita akan seterusnya bertanya (2) apakah komoditi utama yang dieksport ke negara tersebut dan penggada nilai-tambah komoditi-komoditi itu? Kalau jawapan kepada soalan (1) itu, “tidak”, kita bolehlah mengabaikan persoalan seterusnya. Negara tersebut tidak penting dari segi jumlah aliran eksport negara, contohnya Mexico dan NZ. Sebaliknya, kita sangat berminat dengan negara seperti Jepun dan AS, yang bukan sahaja penting sebagai negara utama yang dituju tetapi juga mempunyai indeks pemusatan komoditi yang tinggi. Dan kita juga berminat dengan negara pengimport utama lain seperti China walaupun indeks pemusatan komoditinya agak sederhana tetapi banyak E&E dituju ke pasaran tersebut.

Eksport E&E telah banyak menyumbang kepada penjanaaan pertumbuhan ekonomi kerana kuantiti eksportnya yang besar (terbesar sebagai perkongsian dalam jumlah eksport) tetapi bukan kerana daya gandaan nilai-tambah komoditi ini (terkecil di antara semua sektor). Sebaliknya, O&G walaupun perkongsian dalam jumlah eksport negara agak sederhana ia mempunyai daya gandaan nilai-tambah yang tertinggi. Kita dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan memperbaiki prestasi eksport E&E (bukan dari segi penerokaan pasaran yang luas), yang tidak akan boleh berlaku secara yang amat berkesan kecuali dengan penjanaaan nilai-tambahnya diperbaiki.